



Ibu-bapa hendaklah memberi tunjukajar memberus gigi kepada anak-anak mereka sejak kecil.

Apabila kanak-kanak sudah boleh memberus gigi dengan sendiri, ibu-bapa perlu memastikan tahap kebersihan dan mengingatkan mereka supaya sentiasa mengamalkan tabiat yang baik ini. Kanak-kanak juga dinasihatkan supaya memberus gigi selepas makan dan sebelum tidur. Ianya penting bagi mengekalkan **GIGI SEUMUR HIDUP**.




Kanak-kanak memberus gigi selepas waktu rehat.



Memberus gigi selepas makan dan sebelum tidur.

BILAKAH ANAK ANDA PERLU MEMBERUS GIGI ?



Pembersihan gigi boleh dilakukan sebaik sahaja gigi susu mula tumbuh. Biasanya gigi pertama akan tumbuh dalam lingkungan umur 6 - 7 bulan.

Di peringkat permulaan, ibu-ibu boleh membersihkan gigi bayi dengan menggunakan kain tuala yang lembut semasa memandikan bayi.



Ibu membersihkan gigi bayi dengan kain lembut semasa mandi.

Gunakan ubat gigi sebesar biji kacang soya.



Apabila bayi telah mempunyai beberapa batang gigi, ibu-ibu bolehlah membiasakan membersihkan giginya dengan menggunakan berus gigi yang lembut.

Apabila anak sudah biasa memberus gigi, barulah menggunakan sedikit ubat gigi berfluorida sebesar biji kacang soya. Ubat gigi berfluorida boleh menguatkan lapisan luar gigi (Enamel).

Ibu-bapa digalakkan memilih ubat gigi khusus untuk kanak-kanak yang terdapat di pasaran.

Biarkan kanak-kanak bermain dengan berus gigi dan memberus giginya sendiri supaya mereka dapat mengalami bagaimana rasanya memberus gigi. Dengan cara ini kanak-kanak dapat menanamkan tabiat suka memberus gigi tanpa paksaan. Secara tidak langsung akan menyenangkan ibu-bapa memelihara kebersihan gigi anak-anak.

Kanak-kanak belum lagi mempunyai kemahiran memberus gigi dengan berkesan sehinggalah mereka berumur 9 - 10 tahun. Oleh itu ibu-bapa perlulah memberus gigi mereka dan memberi bimbingan serta tunjukajar memberus gigi dengan cara yang berkesan.



Beberapa jenis ubat gigi kanak-kanak di pasaran.